

12/04/2001

Erra yakin pucuk pimpinan faham kesibukan artis

KUALA LUMPUR, Rabu - Erra Fazira yang dilantik Exco Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno, yakin pucuk pimpinan dan ahli parti memahami kesibukan kerjayanya sebagai artis.

"Pembabitan saya dalam Exco Puteri Umno bersifat protem (penaja). Justeru, keutamaan saya masih kepada bidang seni, iaitu nyanyian, lakonan dan modeling," katanya.

Erra berkata demikian bagi menjelaskan kegagalannya menyertai pertemuan pertama Exco Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno dengan Presiden dan Timbalan Presiden Umno dalam acara berasingan, semalam.

Katanya, beliau tidak dapat menyertai kunjungan ke atas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang semalam, kerana perlu menghadiri pelancaran album kompilasi, 16 Bintang 1 Fiesta sempena Anugerah Industri Muzik 2001 (AIM2001) di Hotel Concorde.

Majlis itu turut dihadiri artis terkenal seperti Siti Nurhaliza, Nora dan Intan Sarafina yang turut dicalonkan dalam AIM2001 yang akan berlangsung 28 April ini di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Erra berkata, beliau juga tidak dapat menghadiri pertemuan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis makan malam di Petaling Jaya kerana terbabit dalam satu program yang sudah dirancang sejak awal lagi.

"Namun, saya sudah memaklumkan perkara itu kepada Exco Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno dan mereka memahaminya. Mereka juga sudah memaklumkan ketidakhadiran saya kepada Timbalan Presiden Umno.

"Nampaknya mereka memahami kesibukan kerjaya saya sebagai artis. Bagaimanapun, sekiranya saya tidak terbabit dalam sebarang aktiviti seni, pasti saya akan turut serta dalam kegiatan yang akan dianjurkan Puteri Umno selepas ini," kata Erra.

Sementara itu, Penolong Setiausaha Puteri Umno, Noraini Ahmad, berkata Erra tidak dapat hadir dalam kedua-dua pertemuan penting itu kerana ada komitmen lain.

Katanya, perkara itu tidak seharusnya disalah tafsir kerana Erra mungkin mempunyai temujanji yang lebih penting.

(END)